

SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN RAKYAT 1MALAYSIA (BR1M) 2017

A. MEKANISME PEMBAYARAN BR1M 2017

1. **S:** Bila tarikh pembayaran BR1M 2017 bermula?

J: Pembayaran akan bermula seperti berikut:

TARIKH BAYARAN BERMULA	AMAUN BANTUAN		
	RM1,200	RM900	RM450
Bayaran Pertama (Fasa 1) 18 Februari 2017 (Penunaian Baucar) 22 Februari 2017 (Pengkreditan ke akaun)	400	300	450
Bayaran Kedua (Fasa 2) Jun 2017	400	300	-
Bayaran Ketiga (Fasa 3) Ogos 2017	400	300	-

2. **S:** Bagaimana mekanisme pembayaran BR1M 2017?

J: Mekanisme pembayaran BR1M 2017 adalah seperti berikut:

TEMPOH	PERKARA	MEKANISME BAYARAN
Fasa 1	Majlis Penyerahan Baucar	Surat Makluman Lulus beserta Baucar bagi penerima yang terpilih
	Baucar	Surat Makluman Lulus beserta Baucar bagi gagal kredit ke akaun bank
	Pengkreditan Ke Akaun	Pengkreditan ke akaun bank yang didaftarkan
Fasa 2 dan 3	Baucar	Surat Makluman Lulus beserta Baucar bagi tiada maklumat akaun dan gagal kredit ke akaun bank
	Pengkreditan Ke Akaun	Pengkreditan ke akaun bank yang didaftarkan

3. **S:** Di mana penunaian BR1M 2017 boleh dibuat?

J: Penunaian BR1M 2017 boleh di buat di Bank Simpanan Nasional (BSN) sahaja.

4. **S:** **Apakah dokumen yang perlu dibawa semasa penunaian BR1M 2017 di BSN?**
- J: Dokumen yang perlu dibawa adalah seperti berikut:
- i. Surat Makluman Lulus dan Baucar
 - ii. MyKad asal penerima
5. **S:** **Saya telah kehilangan MyKad, bagaimana saya boleh membuat penunaian BR1M 2017?**
- J: Tuan perlu merujuk Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk mendapatkan Dokumen Pengenalan Sementara. Penunaian boleh dilakukan di BSN dengan membawa Dokumen Pengenalan Sementara yang masih sah bersama Surat Makluman LULUS asal penerima.
6. **S:** **Saya tidak memerlukan BR1M 2017, apa yang perlu saya lakukan?**
- J: Tuan perlu hadir ke Cawangan / Pusat Khidmat Hasil (PKH) / *Urban Transformation Centre* (UTC) LHDNM yang berhampiran untuk mengisi borang pembatalan bagi menukar status permohonan.

B. PEMBAYARAN SECARA TUNAI BR1M 2017

7. **S:** **Saya membuat permohonan BR1M 2017 tetapi tidak melaporkan nombor akaun bank, bagaimanakah cara pembayaran BR1M 2017?**
- J: Pembayaran akan dibuat secara pemberian **Surat Makluman LULUS dan Baucar BR1M 2017. Surat Makluman LULUS dan Baucar BR1M 2017** akan diserahkan semasa majlis anjuran pihak SUK / JPP serta Pejabat Residen kepada penerima BR1M 2017.
Tuan akan dimaklumkan oleh pihak SUK / JPP serta Pejabat Residen berkaitan tarikh dan tempat majlis pengambilan **Surat Makluman LULUS dan Baucar BR1M 2017** tersebut melalui surat jemputan.
8. **S:** **Sekiranya pembayaran pertama saya melalui baucar, adakah bayaran seterusnya boleh melalui pengkreditan ke akaun bank?**
- J: Ya. Sekiranya tuan hadir mengemas kini maklumat bank di Cawangan / Pusat Khidmat Hasil (PKH) / *Urban Transformation Centre* (UTC) LHDNM yang berhampiran mulai 3 April 2017 sehingga 31 Mei 2017.
9. **S:** **Penunaian tidak dapat dilakukan di BSN kerana terdapat perbezaan maklumat di antara MyKad dengan Surat Makluman LULUS BR1M 2017 dan Baucar yang saya terima, apa yang perlu saya buat?**
- J: Tuan perlu hadir ke LHDNM beserta Borang Kegagalan Tuntutan BR1M / SKK yang dikeluarkan oleh BSN untuk tindakan selanjutnya.

10. **S:** Saya telah menerima surat jemputan untuk hadir ke majlis penyerahan baucar tetapi tidak dapat hadir atas sebab-sebab tertentu. Bagaimana saya boleh mendapatkan Surat Makluman LULUS BR1M 2017 dan Baucar tersebut?

J: Tuan boleh mendapatkan Surat Makluman LULUS BR1M 2017 dan Baucar di Pejabat SUK / JPP dan Pejabat Residen. Sebarang pertanyaan boleh merujuk kepada pihak yang mengeluarkan surat jemputan berkenaan.

11. **S:** Surat Makluman Lulus BR1M 2017 dan Baucar yang diterima telah hilang atau rosak, apa tindakan yang perlu diambil?

J: Sekiranya cetakan maklumat (Nama, No. Pengenalan dan No. Siri) pada Surat Makluman Lulus BR1M 2017 atau Baucar **boleh dikenalpasti**, penunaian boleh dilakukan di BSN.

Sekiranya Surat Makluman Lulus BR1M 2017 atau Baucar hilang / cetakan maklumat (nama, no. Pengenalan dan no. Siri) pada Surat Makluman Lulus BR1M 2017 atau Baucar **tidak boleh dikenalpasti**, Tuan boleh hadir ke LHDNM berdekatan untuk mendapatkan salinan Surat Makluman LULUS bagi tujuan penunaian di BSN sahaja. Cetakan salinan Surat Makluman LULUS boleh dibuat seperti berikut:

Permohonan Lulus BR1M 2017:

Peringkat Bayaran	Tarikh Surat Kelulusan Permohonan Boleh Dikeluarkan Oleh Lhdnm
Bayaran Pertama	Mulai 5 Jun 2017
Bayaran Kedua	Akan dimaklumkan
Bayaran Ketiga	Akan dimaklumkan

12. **S:** Apakah tindakan yang perlu dibuat jika Baucar BR1M 2017 yang saya terima tidak berjaya untuk penunaian kerana rekod bank menunjukkan Baucar BR1M 2017 saya telah ditunaikan?

J: Tuan perlu membuat laporan polis dan mengemukakan laporan polis berkenaan beserta Borang Kegagalan Tuntutan BR1M / SKK yang dikeluarkan oleh BSN kepada LHDNM untuk tindakan selanjutnya.

13. **S:** Saya tidak menerima sebarang surat makluman berkenaan penunaian BR1M 2017, apa yang perlu saya lakukan?

J: Tuan boleh membuat semakan status kelulusan BR1M 2017 seperti berikut:

- Portal Rasmi BR1M LHDNM, <https://ebr1m.hasil.gov.my>;
- Aplikasi semakan BR1M dengan memuat turun di *Play Store* dan *App Store* pada telefon bimbit;
- LHDNM: 1-800-88-2716;
- MoF: 03-8882 4565 / 4566; atau
- hadir sendiri ke Cawangan / Pusat Khidmat Hasil (PKH) / *Urban Transformation Centre* (UTC) LHDNM.

Sekiranya permohonan tuan diluluskan, tuan boleh dapatkan salinan Surat Makluman LULUS di Cawangan / PKH / UTC LHDNM (rujuk jawapan bagi Soalan 11).

C. PEMBAYARAN SECARA PENGKREDITAN AKAUN

14. S: Apakah tindakan yang perlu dibuat jika saya telah menerima Surat Berjaya Kredit BR1M 2017 tetapi semakan saya mendapati wang BR1M 2017 tidak dikreditkan atau dikeluarkan oleh pihak ketiga?

J: Tuan perlu membuat semakan dengan pihak bank dan mendapatkan penyata bank terperinci berdasarkan tarikh transaksi pembayaran fasa berkenaan. Sekiranya:

- i. **Tiada transaksi kemasukan wang** – aduan perlu dibuat ke Cawangan LHDNM yang berdekatan dengan membawa penyata bank terperinci.
- ii. **Wujud transaksi pengeluaran wang oleh pihak ketiga** - laporan polis perlu dibuat dan kemukakan laporan polis serta penyata bank terperinci ke LHDNM untuk tindakan selanjutnya.

15. S: Akaun bank saya telah dibekukan kerana diisytiharkan mufliis / senarai hitam. Bagaimana cara untuk saya mendapat wang BR1M 2017 tersebut?

J: Tuan perlu merujuk kepada Jabatan Insolvensi Malaysia bagi mendapatkan kebenaran khas untuk pengeluaran wang BR1M 2017 melalui akaun bank.

16. S: Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa penunaian di bank bagi status gagal kredit ke akaun?

J: Tuan perlu membawa Surat Makluman Lulus Gagal Kredit BR1M 2017 dan Baucar beserta Kad Pengenalan asal di mana-mana cawangan BSN. Salinan pendua tidak dibenarkan.

17. S: Apakah tindakan yang perlu dilakukan jika nombor akaun yang dikemukakan semasa permohonan BR1M 2017 tetapi status pengkreditan adalah gagal?

J: Surat Makluman Lulus Gagal Kredit BR1M 2017 dan Baucar akan diposkan kepada Tuan untuk penunaian di BSN. Tuan boleh mengemas kini maklumat bank di LHDNM yang berhampiran mulai 3 April 2017 sehingga 31 Mei 2017.

D. PEMBAYARAN BAGI KATEGORI PEDALAMAN

18. S: Bagaimana cara pembayaran bagi penerima BR1M 2017 di pedalaman?

J: Pembayaran sekaligus akan dibuat secara pemberian Surat Makluman LULUS BR1M 2017 dan Baucar yang akan diserahkan semasa majlis anjuran Pejabat Residen.

Tuan akan dimaklumkan oleh Pejabat Residen berkaitan tarikh dan tempat majlis pengambilan Surat Makluman LULUS BR1M 2017 dan Baucar tersebut melalui surat jemputan.

19. S: Bagaimana cara pembayaran bagi penerima BR1M 2017 di pedalaman yang mengemukakan nombor akaun?

J: Pembayaran akan dibuat secara pengkreditan terus ke akaun bank yang didaftarkan mengikut fasa (rujuk jawapan bagi Soalan 1).

20. S: Bagaimana penentuan kategori kawasan pedalaman bagi penerima BR1M 2017?

J: Kategori kawasan pedalaman ditentukan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) berdasarkan alamat surat menyurat pemohon yang menetap di Sabah dan Sarawak.